



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2022
SEMPENA KARNIVAL JOM BELI RUMAH WILAYAH UTARA**



Pada 25 September 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Hari Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2022 bersempena Karnival Jom Beli Rumah Wilayah Utara di Dataran Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang pada pagi ini.

Turut hadir Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, Tuan Mozakir bin Buyong Mokhtar, Pengarah Jabatan Belia & Sukan Negeri Pulau Pinang, Tuan Mohd Hafiz Ali bin Mohd Anuar, Presiden Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta barisan pengurusan tertinggi KPKT.

Sambutan Hari Belia Negara 2022 yang bertemakan 'Ini Masa Kita', dilihat amat istimewa kerana belia berperanan sebagai pencetus revolusi masa depan negara khususnya dalam mendepani situasi dunia yang kompetitif dan mencabar pada masa kini. Aspirasi generasi muda sentiasa diberi keutamaan dalam merangka pembangunan negara di masa hadapan.

Bagi menjayakan hasrat tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memenuhi keperluan golongan muda dalam menikmati persekitaran daya huni yang kondusif khususnya dari aspek pemilikan rumah mampu milik yang selesa dan berkualiti.

Program Pemilikan Kediaman atau Home Ownership Programme (HOPE) merupakan antara inisiatif yang diperkenalkan oleh KPKT dalam meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya golongan B40 dan M40. Kempen 'Miliki Kediaman di Usia Muda (Own at Young)' juga turut diperkenalkan bagi meningkatkan minat golongan muda untuk memiliki rumah di usia muda. Ini adalah selari dengan gagasan aspirasi Keluarga Malaysia "SATU KELUARGA, SATU RUMAH".

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan Keluarga Malaysia iaitu Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya) melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), Skim Rumah Pertamaku (Cagamas SRP Berhad) dan Skim PR1MA Rent-to-Own (RTO).



Di bawah Inisiatif Pemilikan Perumahan Malaysia (i-Miliki), bakal pembeli rumah pertama yang berjaya menyempurnakan Perjanjian Jual Beli (PJB) dalam tempoh 1 Jun 2022 sehingga 31 Disember 2023 akan diberikan insentif pengecualian duti setem ke atas Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah dan Perjanjian Pinjaman secara peringkat atau tier seperti berikut:

- i. 100% pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama bernilai RM500,000 dan ke bawah; dan
- ii. 50% pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama bernilai RM500,001 sehingga RM1 juta.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, "Penganjuran KJBR Wilayah Utara ini memberi peluang kepada rakyat khususnya di negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis untuk mendapatkan pelbagai promosi pemilikan perumahan. *Jumlah registered interest* adalah sebanyak 391 unit kediaman yang bernilai RM82.5 juta setakat dua hari karnival ini berlangsung. Daripada jumlah tersebut sebanyak 308 unit adalah merupakan kediaman Rumah Mampu Milik di bawah RM300 ribu berjumlah RM47.7 juta. Manakala, sebanyak 83 unit lagi adalah merupakan hartanah bernilai lebih RM300 ribu berjumlah RM34.8 juta."

Beliau turut menegaskan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu berperanan untuk menjadi satu entiti yang mesra perniagaan dan pemudah cara kepada golongan belia khususnya melalui penyediaan platform dan akses pembinaan semula perniagaan serta pengukuhan kewangan dalam era endemik ini.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri KPKT turut menyampaikan hadiah bagi Pertandingan E-Sport, Jom Laghi, Penalti Kilat, Lontaq Deraih dan Cabutan Bertuah yang telah diadakan sepanjang karnival ini berlangsung. Dengan kehadiran lebih



20,000 pengunjung, KJBR Wilayah Utara yang dianjurkan oleh KPKT dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ini terbukti merupakan antara platform terbaik dalam memperluaskan kempen pemilikan rumah Keluarga Malaysia.

Inisiatif-inisiatif perumahan yang diperkenalkan mencerminkan komitmen berterusan KPKT khususnya dalam membantu golongan B40, M40 dan golongan muda bagi meningkatkan keupayaan memiliki kediaman yang berdaya huni.